

Bukan semua orang terlibat dalam perniagaan kerana ingin menjadi jutawan. Ada yang bercita-cita mahu melihat hubungan manusia menjadi lebih baik dengan binas yang mereka lakukan. Inilah kisah Whatsapp.



JAN KOUM DAN BRIAN ACTON

Sejak awal lagi semasa Jan Koum dan Brian Acton mengasaskan aplikasi Whatsapp, mereka tidak bercita-cita pun untuk membuat keuntungan gila-gila. Mereka cuma berharap Whatsapp dapat membantu banyak manusia dalam berhubung secara percuma. Sebagai pulangan mereka harapkan keuntungan boleh menjadi income yang cukup dan mampu upgrade Whatsapp menjadi lebih baik.



Pada awalnya bagi sesetengah negara untuk download aplikasi ini, Whatsapp dikenakan bayaran hanya \$1. Manakala bagi negara lain caj \$1 dikenakan pada tahun-tahun berikutnya. Maksudnya income whatsapp adalah yuran \$1 setahun bagi setiap pengguna. Rasanya takdak sapa pun perasan yuran \$1 tu, sebab murah sangat.

Kata orang seringgit setahun takda hallah nak bayar. Berbanding pada masa itu, kita menggunakan sms yang mengenakan bayaran setiap kali menghantar teks pesanan.

Aplikasi Whatsapp sampai satu masa sudah digunakan oleh 700 juta pengguna seluruh dunia. Dengan itu mereka memperolehi pendapatan \$700 juta setahun. Nampak tak, mereka mampu mencipta keuntungan yang cukup untuk hidup dan membolehkan mereka upgrade Whatsapp.

MOTO WHATSAPP

Koum dan Acton selalu ingatkan diri mereka tujuan mereka cipta whatsapp dengan moto ini: "No ads! No games! No gimmicks!", "Tidak ada iklan! Tidak ada muslihat! Tidak ada gimik!" Acton tulis ayat itu dan tampalkan di meja mereka supaya tidak lupa.



FACEBOOK MEMBELI WHATSAPP




Facebook dapat melihat potensi yang ada pada Whatsapp. Maka satu tindakan pantas diambil dengan menawarkan pembelian Whatsapp. Pada tahun 2014, FB membeli Whatsapp dengan harga \$19 billion. Menyebabkan Jan Koum dan Brian Acton menjadi Billionaire. Yuran \$1 pun dihapuskan dari Whatsapp, setelah FB mengambil alih.

ADAKAH KOUM DAN ACTON GEMBIRA SETELAH MENJADI BILLIONAIRE?

Rupa-rupanya, menjadi Billionaire ini tidak menggembirakan mereka berdua pun. Pada penghujung 2017 Brian Acton keluar dari Whatsapp yang dia cipta. Manakala Jan Koum pula meletakkan jawatan pada april 2018 akibat tidak berpuas hati dengan cara FB menguruskan Whatsapp.

MATLAMAT MEREKA DIUBAH

Perjuangan mereka berdua sejak mula adalah, Whatsapp bukan medan keuntungan. Dan mereka selalu memastikan data privasi dan kerahsiaan pengguna tetap terjaga. Mereka lihat ini tidak dilakukan oleh FB. Mereka lebih rela meninggalkan Whatsapp apabila melihat matlamat mereka sudah di ubah.



PENGAJARAN



Perniagaan bukan hanya kerana untung sahaja



Bantulah manusia dengan perniagaan



Jadikan dunia lebih baik dengan usaha kita

يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ

"Mereka mengharapakan perniagaan yang tidak rugi."

[Fatir(35):29]